



## JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.jwp.gov.my](http://www.jwp.gov.my)

## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM BERSIH SEMUA TEMPAT (BeST) DAN KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN DILANCARKAN SERENTAK DI KETIGA-TIGA WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KUALA LUMPUR, 19 JANUARI 2025 –** Bagi menyahut titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menekankan aspek kebersihan yang perlu diberikan perhatian serius terutamanya di Wilayah Persekutuan, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) telah melancarkan program Bersih Semua Tempat (BeST) secara serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bersama-sama lebih 1,000 sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa UiTM, UM, UKM, UPM, UIAM dan USIM, wakil persatuan dan masyarakat, persatuan penjaja dan peniaga serta NGO Wilayah Persekutuan di hadapan pintu masuk utama Pavilion Bukit Bintang hari ini.

Pelaksanaan program pada hari ini selari dengan usaha mewujudkan Wilayah Persekutuan sebagai bandar yang bersih dan mampan sekaligus dapat membina imej negara yang positif bagi Kepengerusian ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026. Masyarakat kita boleh mengambil contoh negeri-negeri jiran Asia seperti Jepun, walau pun tong sampah dan pekerja kebersihan jarang kelihatan di tempat-tempat awam, namun negara mereka tetap terjaga dari segi kebersihannya kerana masyarakat mereka bertanggungjawab untuk membawa balik sampah sendiri dan membuangnya di rumah dan tidak membuang sampah merata-rata.

Didikan awal adalah faktor yang paling penting untuk membentuk teras dan nilai murni yang menjadikan masyarakat mempunyai rasa kebertanggungjawaban untuk menjaga kebersihan sejak kecil hingga ke dewasa seperti di negara Jepun. Anak-anak dari tadika hingga sekolah menengah telah diterapkan untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja pembersihan selama 12 tahun persekolahan manakala bagi orang dewasa, mereka telah dinormalisasikan dengan aktiviti gotong-royong yang diadakan secara kerap di lokaliti masing-masing dan semua wajib menyertainya. Bangunan-bangunan di Jepun seperti klinik dan pejabat menjaga kebersihan persekitaran di sekeliling bangunan masing-masing dengan menyapu sampah di laluan pejalan kaki di hadapan bangunan dan mengutip sampah-sampah yang kelihatan untuk memastikan imej bangunan

mereka terpelihara. Bagi masyarakat matahari terbit ini, mereka tidak mahu orang lain beranggapan bahawa mereka tidak cukup didikan dan pelajaran sekiranya dilihat sebagai seseorang yang tidak pandai menjaga kebersihan dan kekemasan.

Rutin harian di China pula melibatkan warga emas yang akan bersama-sama setiap pagi menjalankan aktiviti menyapu sampah di jalanan dari hujung ke hujung sambil mengeluarkan peluh. Masyarakat China juga mengamalkan pengurusan dan pengasingan sampah dengan cara memasukkan sampah-sampah yang diasingkan mengikut klasifikasi di *vending machine* yang ada di kawasan kediaman masing-masing sebagai pertukaran kepada wang dan lain-lain ganjaran.

Melalui program Bersih Semua Tempat (BeST) kesedaran dan pendidikan awal tentang kepentingan menjaga kebersihan serta sikap kebertanggungjawaban semua lapisan umur warga Wilayah Persekutuan diharap dapat dikukuhkan seperti masyarakat Jepun dan China. Aktiviti pembersihan di sekitar Wilayah Persekutuan seharusnya tidak berakhir di sini sahaja malah perlu terus dibudayakan dalam kehidupan seharian kita.

YB Menteri turut melancarkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang merupakan *signature* program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada setiap tahun. Sebanyak 72,000 unit bendera Wilayah Persekutuan dari pelbagai saiz diedarkan pada tahun ini melibatkan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Bagi menyemarakkan semangat kebersamaan, terdapat lebih 60 program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang disambut pada 1 Februari setiap tahun dan antara program baharu termasuk Larian Hari Wilayah Persekutuan, Bersi-KAL iaitu beriadah sambil menjalankan aktiviti kebersihan, dan FT GORO iaitu gotong-royong di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Diharapkan warga Wilayah Persekutuan dapat mengibarkan Bendera Wilayah Persekutuan yang menjadi simbol identiti di kediaman masing-masing bagi menunjukkan semangat patriotisme dan rasa cinta serta sayangkan Wilayah Persekutuan dalam kalangan komuniti.

\*\*\*

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Jabatan Wilayah Persekutuan  
19 Januari 2025**